

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MUSTAPA KAMAL BIN MOHD  
YUSOFF**

**TARIKH : 19 DISEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN NO. 59**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah bentuk tindakan undang-undang yang dikenakan kepada penunggang motosikal yang tidak menggunakan laluan motosikal di lebuhraya yang menyediakan laluan motosikal.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini terdapat lorong khas motosikal di Lebuhraya seperti Lebuhraya Shah Alam (KESAS) sejauh 38 km, Lebuhraya Koridor (GUTHRIE) sejauh 24.8 KM, Skim Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat (SPRINT) sejauh 2.4 km, Butterworth –Kulim Expressway (BKE) sejauh 15 km, Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (JPP2) sejauh 25 km dan Lebuhraya Persekutuan 2 (FRH2) sejauh 16 km.
2. Pihak Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan sememangnya sentiasa menjalankan penguatkuasaan berkenaan motosikal yang tidak menggunakan lorong khas yang disediakan. Dari tahun 2015 hingga November 2018, sebanyak 9,129 notis saman telah dikeluarkan kepada penunggang motosikal yang melakukan kesalahan tidak menggunakan lorong khas motosikal yang disediakan.
3. Selain dari itu, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa menjalankan operasi rutin dan operasi khas motosikal seperti berikut:
  - (i) Satu pasukan akan disediakan setiap hari di setiap JPJ Negeri untuk menjalankan operasi khas motosikal; dan
  - (ii) Operasi khas motosikal secara serentak ke seluruh negara iaitu dua (2) hari sebelum dan dua (2) hari selepas musim perayaan bermula dari tahun 2013.
4. Memandangkan pembinaan laluan lorong motosikal adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Kerja Raya, pihak Kementerian Pengangkutan akan mengadakan perbincangan dengan pihak Kementerian Kerja Raya supaya pembinaan lorong motosikal dijadikan keutamaan bagi projek pembinaan jalan raya dan lebuhraya.

**NO. SOALAN: 59**

raya yang baru untuk meningkatkan lagi keselamatan jalan raya di Malaysia.

Sekian, terima kasih.